

Sendeng Belalang 'terbang' lebih tinggi

SEKITAR lima tahun lalu, kumpulan Sendeng Belalang mengorak langkah pertama sebagai perguruan silat terbaru di Singapura.

Minggu lalu, ia mengukir sejarah selepas dinobatkan naib juara keseluruhan di Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan (PSK) ke-40.

Sejumlah 68 pesilat yang mewakili perguruan silat yang dimulakan dalam 2010 itu bukan sahaja meraih 22 pingat emas, 22 perak dan 16 gangsa, bahkan turut merampas gelaran keseluruhan bagi kategori praremaja daripada Seni Grasio yang muncul juara keseluruhan.

Kemenangan 'rekod' ini jauh lebih baik berbanding pungutan lima emas pada 2013 dan tujuh emas pada 2014. PSK tidak diadakan tahun lalu sebagai memberi laluan kepada Sukan Asia Tenggara (SEA) ke-28.

Menurut ketua jurulatih di PSK, Muhammad Fadhl Mohamad Azni, pencapaian di luar dugaan tersebut adalah cerminan usaha gigih yang dicurahkan warga Sendeng Belalang selama ini.

"Kejayaan ini tidak datang semalaman. Ia diperolehi dengan tenaga empat kerat dan perancangan jangka panjang oleh pihak pengurusan.

"Tapi kami belum menganggap diri kami sebagai telah berjaya... jauh dari itu.

"Kami rasa diri kami masih kerdil dan perlu lebih banyak belajar dan menimba pengalaman," kata Fadhl, 28 tahun, menendahkan hati.

Bekas pesilat nasional itu mengasah bakat silat pada usia awal di Seligi Tunggal Angkatan. Ayahnya, Mohamad Azni Abdul Ghani, pernah menjadi setiausaha agung perguruan silat itu.



BARU TETAPI BERUPAYA: Walaupun baru ditubuhkan dalam 2010, Perguruan Sendeng Belalang mengatasi jangkaan bagi memenangi trofi naib juara keseluruhan. Mereka juga berjaya merangkul Juara keseluruhan praremaja. – Foto JOHARI RAHMAT

Namun kedu-dua anak-beranak itu meninggalkan Seligi Tunggal Angkatan bagi menubuhkan Sendeng Belalang sekitar 2010.

Hari-hari pertama di Sendeng Belalang adalah mencabar, kata Fadhl.

"Anggota kami hanyalah saya dan tiga adik-beradik saya. Ada pihak yang menterawakan kami... meremehkan usaha kami dan menanti saat kami gulung tikar.

"Namun kami enggan mengaku kalah," kata Fadhl.

Berbekal semangat juang yang dipupuk di gelanggang silat, Sendeng Belalang berge-

lut mengukir nama dalam gelanggang silat setempat.

Ia menghantar wakil ke PSK 2011, tetapi kesemua sembilan pesilatnya pulang dengan tangan kosong, mendorong pengurusan-nya menarik diri daripada PSK 2012 bagi membuat persiapan lebih teliti.

Langkah strategi itu membuahkan hasil pada 2013 apabila sekitar 30 pesilatnya memenangi lima pingat emas di PSK, sebelum ia menambah lagi tujuh pingat emas pada tahun seterusnya.

Dari pangkalan latihan tunggal di Kelab Masyarakat (CC) Kampung Gelam pada

2013, Sendeng Belalang kini telah berpindah ke Geylang West CC dan berkembang ke dua lagi CC dan Jawatankuasa Penduduk (RC) di Woodlands, Potong Pasir dan Tampines.

Menurut Fadhl, beliau menaruh harapan Sendeng Belalang boleh merampas gelaran daripada Seni Grasio untuk menjadi juara keseluruhan PSK di masa depan.

"Saya sentiasa percaya bahawa kita perlu menaruh harapan tinggi melangit jika ingin berjaya.

"Jika hendak berjaya, kita perlu menewaskan pihak yang terbaik," katanya.

PENCAK SILAT KEBANGSAAN KE-40

Juara Keseluruhan

Seni Grasio
48 emas; 25 perak; 7 gangsa

Naib Juara Keseluruhan

Sendeng Belalang
22 emas; 22 perak; 16 gangsa

Ketiga

Seligi Tunggal Angkatan Singapura
8 emas; 15 perak; 23 gangsa

Juara Kategori

Kategori Praremaja
Sendeng Belalang

Kategori Pra-Junior

Seni Grasio

Kategori Junior

Seni Grasio

Kategori Senior

Seni Grasio

Anugerah Individu

Pesilat Praremaja Terbaik

Nur Allyssa Sallehuddin, Seni Grasio

Pesilat Pra-junior Terbaik

Siti Fathimah Mohamad Shahrem, Seni Grasio

Pesilat Junior Terbaik

Nurahlina Sidek, Seligi Tunggal Angkatan

Pesilat Senior Terbaik

Nur Shafiqah Sheikh Alau'ddin, Seni Grasio

Permulaan baik dalam 'tahun besar' bagi Farhan

BELIAU memulakan 2015 dengan memenangi kejuaraan dunia.

Kini, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, 18 tahun, berharap dapat mengakhiri 2016 dengan gelaran dunia, bersandar permulaan yang menggalakkan tahun ini.

Pesilat muda bertubuh sasa itu bukan sahaja antara 17 atlet nasional yang menerima Biasiswa Spex kelmarin – yang diberikan kepada atlet elit dan menjamin sokongan kewangan dan latihan tahap tinggi – malah memenangi pingat emas di Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan (PSK) ke-40 dengan pertunjukkan yang yakin.

"Saya gembira tidak perlu menggunakan terlalu banyak tenaga kerana mampu mengawal rentak perlawanan

"Bagi saya, sebagai pesilat nasional... adalah kurang memadai jika saya memenangi perlawanan tanpa mengawal rentak pertarungan di gelanggang.

"Jadi, perkara ini menjadi matlamat saya setiap kali menjejakkan kaki ke gelanggang," kata Sheik Farhan yang bakal memulakan pengajian tahun ketiga di Politeknik Nanyang bulan depan.

Tahun lalu, Sheik Farhan mencetuskan kejutan dengan memenangi Kelas J (90-96 kilogram) di Kejohanan Pencak Silat Dunia.

Sheik Farhan menewaskan pesilat Vietnam, Mach Quoc Hung, yang lebih berpengalaman 3-2 di final di Phuket, Thailand.

Kelas yang ditandinginya itu tidak ditawarkan di Sukan Asia Tenggara (SEA) ke-28 di Singapura Jun lalu. Namun Sheik Farhan berjaya melangkah ke separuh akhir Kelas H (80-85 kilogram), sebagai pengganti Muhammad Shakir Juanda yang mengalami kecederaan.

Kegagalan memenangi pingat di tempat sendiri itu hanya membakar semangat juangnya dan Sheik Farhan kembali ke podium di Ke-

joohan Pencak Silat Undang Tiga Negara 2015 di Leeuwarden, Belanda, Oktober lalu.

Bertanding dalam Kelas I, Sheik Farhan memenangi salah satu daripada dua pingat emas yang dimenangi pesilat negara di pertandingan itu.

Buat masa ini, beliau antara empat pesilat lelaki yang sedang menjalani latihan ujian di serata Indonesia yang bermula di Medan minggu lalu. Beliau akan berangkat ke Sulawesi minggu ini, sebelum meneruskan 'pengembaraan' ke Jakarta, Bandung dan Solo.

Menurut Sheik Farhan, beliau telah pun berbincang dengan guru-guru di sekolah demi mengimbangi jadual latihan yang mencabar dengan pengajiannya di sekolah kerana enggan 'ketinggalan'.

"Mereka fahami keadaan saya, dan sebenarnya boleh ingin menyokong usaha saya ini.

"Buat masa ini, saya berasa cergas dan yakin," kata Sheik Farhan.



TENANG TUNDUKKAN LAWAN: Sheik Farhan (*kanan*) memulakan 2016 dengan kemenangan di Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan ke-40.